



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 14/02/20**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**TEKNISYEN KAPAL TINGKAT KHAS (C.1-2 EB.3)
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. TEKNISYEN KAPAL TINGKAT KHAS
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Mempunyai Sijil Pegawai Jurutera Laut Kelas 4 atau sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah keutamaan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat sebagai Teknisyen Kapal Tingkat I selama 3 tahun dan mempunyai Sijil Pegawai Jurutera Laut Kelas 5 atau yang sebanding.


ATAU

- c) Telah berkhidmat sebagai Teknisyen Kapal Tingkat I sekurang-kurangnya selama 6 tahun.

2. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam Kejuruteraan Laut dan mampu mengawasi dan menjalani kerja-kerja pemeliharaan dan pemberian Enjin Diesel Laut.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan pemeliharaan ke atas peralatan dan kelengkapan di dalam bilik enjin serta peralatan keselamatan di dalam kapal serta melaksanakan kerja-kerja membaik pulih kerosakan kecil.
2. Bertanggungjawab selaku *leading person* kepada teknisyen-teknisyen lain di dalam kapal dan menyelaras, mengawasi serta menyelia tugas-tugas kakitangan bawahan yang berkaitan dengan enjin dan keselamatan di dalam kapal semasa kapal sedang beroperasi.
3. Bertanggungjawab dalam menyediakan laporan kerosakan peralatan dan kelengkapan di dalam bilik enjin kapal serta peralatan keselamatan dalam kapal bagi kerosakan besar serta menyediakan dokumen tawaran atau sebutharga untuk diiklankan.



4. Membantu Ketua Seksyen dan pegawai atasan dalam penyediaan perancangan kerja tahunan dan peruntukan tahunan yang berkaitan dengan peralatan dan kelengkapan di bilik enjin kapal serta peralatan keselamatan di dalam kapal.
5. Menerima dan melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Divisyen, Ketua Seksyen dan pegawai-pegawai atasan yang lain dari semasa ke semasa.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian III

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang '**Apply**';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

| | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File |
|--|--------------|------------|---------------------|------------------------------------|
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | Kad Pengenalan.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | Lesen Memandu.pdf |

SIJIL Higher National Diploma/Advanced Diploma/ Degree (Diploma Tertinggi Kebangsaan/Diploma Lanjutan/ Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

| | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File |
|--|--------------|------------|---------------------|----------------------------|
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | PHD.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | MASTER.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | DEGREE.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | HND.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | HNC.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | ND.pdf |



- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.

- Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee



Current Government Employee



| | Start Date | To Date | Name And Address of Employer | |
|--|------------|------------|--|--|
| | 01/02/2015 | | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office | |
| | 01/02/2015 | 31/01/2016 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office | |
| | 01/02/2014 | 31/01/2015 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office | |